

# UNIMAS terima geran RM350,000

## Kerajaan Jepun laksana projek elektrik di rumah panjang kaum Penan

Oleh Micheal Sering  
bhnews@bharian.com.my

**S**AMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima geran RM350,000 daripada kerajaan Jepun bagi membantu melaksanakan projek 'Pembinaan Kemudahan Kuasa Elektrik Hidro Mikro' di rumah panjang kaum Penan, Long Lamai, Ulu Baram, Miri.

Majlis menandatangani kontrak geran terbabit diadakan di Kampus UNIMAS, semalam. UNIMAS diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid, manakala Jepun diwakili Menteri dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan Jepun di Malaysia, Koichi Ito.

Projek perintis terbabit dikendalikan Institut Informatik Sosial dan Inovasi Teknologikal (ISTI-CoERI)

UNIMAS. Seramai 500 penduduk Penan di Long Lamai akan turut terbabit dalam pembinaan sistem hidro mikro itu tidak lama lagi dan bertanggungjawab menyelenggaranya.



*GGP disumbangkan Jepun kepada negeri ini sejak 1996 dan hingga kini mencecah RM2.4 juta bagi menjalankan 12 projek berskala kecil bagi pembangunan sosial dan ekonomi penduduk tempatan*

**Koichi Ito**  
Timbalan Ketua Misi Kedutaan  
Jepun di Malaysia.

Sistem hidro mikro itu akan membekalkan elektrik 24 jam ke rumah panjang mereka bagi menggantikan janakuasa menggunakan diesel yang banyak mengeluarkan bahan pencemaran.

Long Lamai dipilih berikutan belum mempunyai bekalan elektrik selain kedudukannya terpencil di pedalaman berdekatan sempadan Indonesia dan sejam perjalanan menggunakan bot dari Long Banga, Baram.

Pada 2009, penduduk Long Lamai mula menikmati penggunaan Solar PV Sistem bagi membekalkan kuasa elektrik kepada Ngerabit Lamai Telecentre yang mempunyai enam komputer dan sebuah alat perhubungan satelit hasil sumbangan RM155,920 dari kerajaan Jepun.

Ito berkata, Geran Bantuan Akar Umbi Projek Keselamatan Manusia

(GGP) terbabit disumbangkan kerajaannya kepada negeri ini sejak 1996 dan hingga kini mencecah RM2.4 juta bagi menjalankan 12 projek berskala kecil yang penting bagi pembangunan sosial dan ekonomi penduduk tempatan.

Sementara itu, wakil penduduk Long Lamai, Ezra Uda, 35, berkata projek hidro mikro terbabit akan memberi kesan besar dari segi sosial dan ekonomi penduduk di rumah panjang terbabit kerana sejak menetap di situ 50 tahun lalu, mereka tidak menikmati kemudahan itu.

"Ini akan memberi perubahan besar dalam kehidupan kami. Bekalan elektrik selama 24 jam dari hidro mikro itu akan memberi peluang kepada anak muda Penan mengulangkaji pelajaran pada waktu malam," katanya.